

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Okttober/November 1993

HMP 203 - Sosiologi Bahasa (Penerapan Kepada  
Bahasa Melayu)

---

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM  
TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Tulis nombor 1 hingga 6 secara berurutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Jawapan mesti ringkas tetapi padat dan tepat. Tulisan anda hendaklah mudah difahami.

1. Soalan 1 berdasarkan JADUAL 1 yang berikut:

JADUAL 1

Profil Sosiolinguistik Bahasa-Bahasa Di Malaysia

Jumlah bahasa = + 74

1 Lmaj	=	1:	+Seis
64 LMIN	=	64:	+Vg
6 Lmin	=	2:	+K
		4:	+P
3Lspec	=	1:	+Sers
		1:	+Ses
		1:	+SIS

Sumber: Asmah Haji Omar (192:118)

Menggunakan formula profil sosiolinguistik yang dicadangkan oleh C.A. Ferguson, (1971) dan Asmah Haji Omar (1982) huraikan formula di dalam Jadual 1 dengan menegaskan fungsi atau status bahasa yang terlibat.

(25 markah)

2. "Kurangnya ketegasan di dalam mewajibkan orang-orang menggunakan satu saja kelainan bahasa Melayu juga terletak pada orang-orang Melayu sendiri yang tidak dapat menentukan kelainan yang manakah mereka anggap standard."

(Asmah Haji Omar, 1989: 109)

Bincangkan kenyataan di atas berdasarkan pemahaman anda terhadap kelainan standard bahasa Melayu dan perlaksanaan penggunaannya di dalam masyarakat bahasa di Malaysia.

(25 markah)

3. Dengan menggunakan contoh daripada bahasa Melayu terangkan perkara berikut:

(a) Rumus peraturan (alternasi) di dalam sistem sapaan.

(10 markah)

(b) Dialek geografi.

(7.5 markah)

(c) Neka baku dan neka basahan.

(7.5 markah)

4. Huraikan fenomena pemeringkatan bahasa (diglosia) bagi bahasa Melayu di dalam situasi rasmi dan tidak rasmi di Malaysia.

(25 markah)

5. Terdapat beberapa pola di dalam komunikasi kebahasaan di Malaysia pada peringkat rasmi dan separuh rasmi. Dikatakan pola-pola itu hasil sejarah dan diperlukan untuk kestabilan perhubungan kaum. Bincangkan.

(25 markah)

6. Di dalam pendekatan pengajaran dan pemelajaran yang komunikatif aspek kegunaan (use) dan penggunaan (usage) dipentingkan. Dengan menghubungkaitkannya dengan bahasa Melayuuraikan kedua-dua aspek ini secara terperinci.

(25 markah)

-oooooooo-